

05 APR 1996

USPD BELANJA RM20 JUTA TAMPUNG PENGELUARAN PROTON TIARA

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Usahasama Proton DRB Sdn Bhd (USPD) telah membelanjakan kira-kira RM20 juta tahun lalu bagi mewujudkan satu rangkaian pengeluaran di kilangnya di Pekan, Pahang bagi mengeluarkan kereta terbaru, Proton Tiara.

Seorang pegawai USPD berkata rangkaian pengeluaran yang berasingan didirikan untuk menampung pengeluaran kereta itu.

Model baru lima pintu dan lima tempat duduk ini dipasang dengan enjin 1124 cc. Ia telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Pengeluaran Tiara ialah hasil daripada perjanjian di antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), USPD dan Automobiles Citroen dari Perancis. Perjanjian itu memberikan hak eksklusif kepada Proton untuk membuat, memasang, menjual dan menyenggara kereta berkenaan di negara ini di bawah jenamanya sendiri.

Citroen juga memberikan kepada Proton hak untuk mengedar kereta itu dan alat-alat gantinya di pasaran-pasaran lain yang diluluskan dengan menggunakan logo Proton.

USPD pula telah diberi hak untuk memasang, menjual dan menyenggara kenderaan tersebut bagi pihak Proton.

Proton Tiara merupakan model `bukan Mitsubishi' yang pertama keluaran Proton dan dijangka mengurangkan pergantungan Proton kepada syarikat pembuat kereta Jepun itu.

Harga atas jalan bagi Tiara, yang pelancaran komersilnya pada Mei, ialah RM34,912.39 sementara bagi yang ditambah aksesori ialah RM36,892.39.

-- BERNAMA

JSM KY SIA